

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM  
[ SUNGAI SIPUT ]**

**TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan status terkini Projek Pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Heawood, Sungai Siput (U).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Heawood, Sungai Siput (U), Perak telah diluluskan dalam *Rolling Plan* 1 (Tahun 2016) Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) dengan kos projek berjumlah RM13.88 juta. Skop projek ini meliputi pembinaan baharu 12 bilik darjah dan kemudahan lain. Projek ini adalah di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan sekolah ini telah dimulakan pada Jun 2017 dan sepatutnya siap pada 23 Mac 2019, iaitu setelah mendapat kelulusan Lanjutan Tempoh Masa (EOT) sebanyak 108 hari dari tarikh siap asal pada 5 Disember 2018. Walau bagaimanapun, kontraktor gagal menunjukkan sebarang peningkatan prestasi kerja di tapak projek selepas KPM memberikan peluang selama empat bulan melalui Notis Tujuan Penamatan pada 2 April 2019. Susulan itu, kontraktor bagi projek ini telah ditamatkan pada 20 Ogos 2019.

## SOALAN NO: 50

Semasa penamatan dibuat, progres terakhir kerja-kerja pembinaan adalah sebanyak 42 peratus berbanding jadual 100 peratus. Pelantikan kontraktor penyelamat hanya boleh dilantik setelah KPM menyelesaikan perakuan akaun penamatan, menilai baki kerja, memuktamadkan kos projek berdasarkan baki kerja, mendapatkan kelulusan Notis Perubahan (NOC) bagi peningkatan kos projek dan menyediakan dokumen kontrak baharu.

Permohonan NOC telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) pada bulan 11 November 2020 dan penyediaan dokumen kontrak bagi pelantikan kontraktor penyelamat telah diselesaikan pada Mei 2021.

KPM telah menjadualkan tarikh tender semula projek ini pada 1 Jun 2021. Walau bagaimanapun, tender ini terpaksa ditunda susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana syarat wajib lawatan tapak tidak dapat dilaksanakan.

Projek ini akan ditender pada 30 September 2021. Sekolah ini dijangka siap dibina pada tahun 2023.